



## SIAPAKAH “MELAYU” SEBELUM ERA KESULTANAN MELAYU MELAKA?

Teks dan foto: Mohd. Rusydi Azfar Dato' Abdul Kadir

Identiti kaum Melayu pada hari ini sinonim dengan tiga aspek utama, iaitu beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan budaya Melayu. Ketiga-tiga aspek ini mula terbentuk dan diwarisi daripada Kesultanan Melayu di Melaka yang pada zaman kemuncak kekuasaannya pernah meliputi Semenanjung Tanah Melayu dan kawasan persisiran pantai pulau Sumatera. Namun begitu, terdapat segelintir pihak masih beranggapan bahawa kaum Melayu tidak mempunyai sebarang perkaitan dengan kerajaan pra-Melaka yang pernah wujud di Semenanjung Tanah Melayu, seperti Kedah tua, Gangga Negara, Langkasuka, Srivijaya, Nagara Sri Dharmaraja dan sebagainya.

Bukti bahawa identiti kaum Melayu telah terbentuk sewaktu era Kesultanan Melayu di Melaka dapat dilihat menerusi catatan yang dibuat oleh Eredia pada sekitar tahun 1600-an. Catatan tersebut mengesahkan bahawa nama “Malayo” digunakan secara umum kepada semua peribumi “Ujontana” atau Hujung Tanah, iaitu Semenanjung Tanah Melayu, yang wilayahnya meliputi “Ujon Calan” atau Hujung Salang, iaitu Phuket di Thailand, sehingga sejauh “Point Romania” atau Teluk Ramunia di Johor yang bertentangan dengan “Pedra Branca” atau Pulau Batu Putih di selatan. Di seluruh wilayah “Ujontana” ini, bahasa Melayu digunakan dan peribuminya menyatakan mereka sebagai



Peta Semenanjung Tanah Melayu.

"Malayos", iaitu Melayu. Persoalannya, apakah nama yang digunakan oleh kaum Melayu sebagai rujukan kepada bangsa mereka sebelum era Kesultanan Melayu di Melaka?

Menurut Leonard Andaya dalam bukunya *Leaves of the Same Tree: Trade and Ethnicity in the Straits of Melaka*, tidak diketahui nama panggilan yang digunakan oleh nenek moyang bangsa Melayu untuk merujuk bangsa mereka pada masa silam dan kekal misteri. Namun begitu, terdapat satu nama yang digunakan secara umum pada masa dahulu sebagai rujukan kepada penduduk peribumi di Semenanjung Tanah Melayu, iaitu Javaka. Nama ini digunakan untuk merujuk raja-raja dari kerajaan Tambralinga, iaitu Nakhon Si Thammarat di Thailand.

Sebagai contohnya, riwayat Jinakalamali ada mencatatkan nama seorang raja bernama Jivakaraja dari Siridhammanagara, iaitu Nagara Sri Dharmaraja, yang turut dikenali dengan nama Sujita dan Vararaja. Menurut Munro-Hay, nama Jivaka yang terdapat padanya berkemungkinan ialah "Javaka", iaitu bagi menunjukkan asal usul Melayunya. Nama "Javaka" turut tercatat dalam sebuah riwayat di Sri Lanka, iaitu *Culavamsa* dan merupakan panggilan yang diberikan kepada tentera dari Tambralinga, yang diketuai oleh rajanya yang bernama

Chandrabhanu Sri Dharmaraja, yang datang menyerang Sri Lanka pada tahun 1247 dan 1260.

Walau bagaimanapun, Anthony Reid dalam bukunya, *A Plural Peninsula in 'Thai South and Malay North'*, menyatakan bahawa etnik bagi kerajaan awal di Semenanjung Tanah Melayu tidak dapat dipastikan. Menurutnya lagi, kerajaan seperti Langkasuka, Tambralinga dan Pahang tua mungkin mempunyai kaitan dengan Austronesia, Khmer atau Mon, tetapi sangat tidak sesuai untuk melabelkan mereka sebagai kaum Thai atau Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kaum Thai berasal dari Selatan China, dan kemudiannya bermigrasi ke wilayah utara dan tengah Siam yang pada asalnya dikuasai oleh kerajaan kaum Mon sebelum meluaskan kuasa mereka ke Semenanjung Tanah Melayu. Manakala penggunaan label "Melayu" pada kerajaan awal tersebut pula tidak sesuai sekiranya diambil dalam konteks Melayu moden pada hari ini kerana identitinya sinonim dengan anutan agama Islam, sedangkan kerajaan awal berkenaan wujud sebelum agama Islam disebarkan di rantau ini.

Persoalan tersebut hanya dapat diselesaikan dengan menyemak kembali penggunaan nama "Javaka" yang digunakan secara umum sebagai rujukan kepada penduduk peribumi di Semenanjung Tanah Melayu pada zaman dahulu. Javaka ini dipercayai mempunyai kaitan dengan sebutan *Zabag* yang telah digunakan dalam kitab yang ditulis oleh penulis Arab silam, seperti Al Idrisi, Abu Zaid Hasan dan Ibn Kordadhbeh, sebagai rujukan kepada kerajaan Srivijaya.

Bertentangan dengan pandangan arus perdana yang menyatakan Srivijaya bermula di Palembang, Takashi Suzuki dalam bukunya *The History of Srivijaya, Angkor and Champa* menegaskan bahawa Srivijaya bermula di Semenanjung Tanah Melayu, iaitu gabungan antara kerajaan Panpan (Surat Thani di Thailand) yang dikuasai oleh pelarian kerabat kerajaan Funan dengan kerajaan Chi-Tu (gabungan kerajaan Kandari dan Langkasuka) dan kerajaan Tan Tan (Kelantan). Berdasarkan penelitian beliau terhadap catatan oleh Yi-jing, iaitu seorang pendeta China yang berkelana ke India dan dalam perjalanannya singgah ke Shi-Li-Fo-Shi atau Srivijaya pada tahun 671, catatan tersebut menunjukkan bahawa Srivijaya terletak di hemisfera utara. Justeru itu, Suzuki menyimpulkan bahawa Srivijaya yang dilawati oleh Yi-jing sebenarnya adalah Chaiya di Selatan Thailand dan bukannya Palembang, Pulau Sumatera.

Dalam hal ini, Suzuki turut menyatakan bahawa kerajaan Srivijaya berhasrat untuk mengawal Selat Melaka bagi tujuan perdagangan, lalu kemudiannya bertindak meluaskan kuasanya ke Pulau Sumatera dan Jawa. Menurutnya lagi, selepas kempen tersebut berjaya, Srivijaya meletakkan banyak prasasti atau batu bersurat di wilayah-wilayah yang dikuasainya bagi tujuan menunjukkan kewujudannya, di samping sebagai peringatan kepada penduduk setempat agar mengakui ketuanan Srivijaya.

Antara prasasti tersebut termasuklah prasasti Kedukan Bukit di Palembang, prasasti Talang Tuwo di Palembang, prasasti Kota Kapur di Bangka, prasasti Karang Brahi di Jambi dan prasasti Gandasuli di Jawa Tengah. Prasasti tersebut diukir dalam bahasa Melayu kuno yang merupakan petunjuk jelas kaitan antara Srivijaya dengan kaum Melayu yang wujud pada hari ini.

Nagara Sri Dharmaraja kemudian bangkit sebagai sebuah kuasa utama di Semenanjung Tanah Melayu setelah Srivijaya mula mengalami kemerosotan. Yang menariknya, dalam sebuah catatan China, iaitu *Yuan Shih*, Maharaja Dinasti Yuan telah mengeluarkan satu *Imperial Order* pada sekitar tahun 1295 untuk mengarahkan *Hsien*, iaitu Siam, supaya tidak mengganggu *Ma-Li-Yu-Erh*, iaitu Melayu, dan perlu berpegang dengan janji mereka. Menurut seorang sejarawan Thailand, iaitu Chand Chirayu Rajani, *Hsien* merujuk kepada kerajaan Sukothai, manakala *Ma-Li-Yu-Erh* pula ialah *Malaiur*, iaitu merujuk kepada Nagara Sri Dharmaraja dan bukannya kerajaan Malayu yang terdapat di Pulau Sumatera. Sekiranya pandangan ini tepat, hal ini bermaksud penduduk di Semenanjung Tanah Melayu pada era Nagara Sri Dharmaraja dikenali sebagai Melayu lebih awal sebelum Kesultanan Melayu ditubuhkan di Melaka.

Berdasarkan *Chronicles of Nagara Sri Dharmaraja* yang telah diterjemahkan oleh David Wyatt, Nagara Sri Dharmaraja diperintah oleh Phra Panom Wang, anak kepada pemerintah Petchaburi. Beliau kemudian menghantar pemerintah-pemerintah Melayu dengan gelaran Raja bagi memerintah Chaiya dan 10 buah negeri di semenanjung Tanah Melayu, iaitu Nihana (sekitar Krabi), Cahnadeva (Chana dan Thepha di Songkhla), Pahang (Pahang), Tani (Patani), Saya (Telubin), Badalun (Phattalung), Draiya (ditafsir sebagai Kedah), Lanu (sekitar Trang), Ace (tidak dapat dipastikan lokasinya) dan Bru (Selatan Thai, tidak dapat dipastikan lokasinya).

Namun begitu, Reid menyatakan bahawa riwayat berkenaan menggunakan istilah *Khaek* sebagai rujukan kepada raja-raja dan teksnya tidak pernah menggunakan terma moden, seperti Thai atau Melayu. Jika merujuk tulisan Thanet Aphornsuvan, beliau menyatakan bahawa perkataan tempatan yang digunakan untuk merujuk masyarakat Melayu ialah *Khaek*. Pada penghujung abad ke-19, *Khaek* digunakan oleh raja-raja Thai untuk menggambarkan Melayu-Islam di sebelah selatan. Memandangkan *Chronicles of Nagara Sri Dharmaraja* mengikut pandangan Munro-Hay telah



Masyarakat Melayu pada era Kesultanan Melayu Melaka.



Lakaran peristiwa ketika Ligor tunduk di bawah kekuasaan Siam.

ditulis semula pada abad ke-19 berdasarkan versi terdahulu dan raja-raja yang dihantar untuk memerintah juga adalah di kawasan Semenanjung Tanah Melayu, maka dapat disimpulkan bahawa tindakan David Wyatt menterjemahkan *Khaek* sebagai Melayu adalah tepat.

Nagara Sri Dharmaraja, atau nama lainnya Ligor, akhirnya tunduk di bawah kuasa Siam apabila Sri Racha yang menggantikan ayahnya, iaitu Phra Panom Wang, sebagai raja Ligor telah bertindak menyerahkan saudaranya yang bernama Nai U dan Nai Yu kepada Raja Siam untuk menjadi pemerintah Ligor dan pengutip cukai bagi negeri-negeri yang di bawah naungannya. Ligor kemudiannya dijadikan sebagai pusat pemerintahan oleh kerajaan Siam untuk mengawal wilayah jajahannya di bahagian Selatan, termasuklah negeri-negeri Melayu di sebelah utara Semenanjung Tanah Melayu.

Seperkara yang perlu diberikan perhatian, sewaktu agama Islam mula disebarkan di rantau ini, perpindahan raja bersama-sama penduduk negerinya untuk memeluk Islam secara meluas dan pesat yang berlaku di kawasan selatan Semenanjung Tanah Melayu, seperti Patani dan Melaka, tidak terjadi di bahagian utara. Perkara ini digambarkan dalam *Tarikh Fathani* yang menyatakan bahawa ketika kebanyakan penduduk Patani mula menganut agama Islam, Raja Ligor dan Raja Jaya pula pada waktu itu membangunkan kanisah, atau rumah ibadat, agama Buddha yang sangat besar. Permulaan perbezaan anutan agama dalam kalangan penduduk pribumi di kawasan semenanjung ini turut dinyatakan di dalam *Tarikh Fathani*, seperti yang berikut;

*"Syahdan, maka adalah orang-orang Melayu Islam pun berbantahan dengan orang-orang Melayu Buddha kerana hidup (hendak) menyalin agama tidak serupa kedua-duanya. Akan tetapi tiada (ter)jadi peperangan besar kedua-duanya."*



Raja-raja Melayu merupakan tonggak kepada agama Islam dan bangsa Melayu.

Disebabkan oleh persamaan anutan agama, berkemungkinan "Melayu Buddha" seperti yang dinyatakan dalam *Tarikh Fathani* ini telah terasimilasi sepenuhnya dengan Siam yang lebih dominan. Kekuasaan Siam yang kemudiannya mencengkam kemas Ligor dan negeri-negeri di bawah naungannya dirakamkan dalam Sulalatus Salatin. Sebagai contohnya, ketika era Sultan Mansur Syah memerintah Melaka, negeri Indera Pura, iaitu Pahang, dinyatakan sebagai takluk ke benua Siam, manakala rajanya yang bernama Maharaja Dewa Sura mempunyai hubungan keluarga dengan Paduka Bubunnya, iaitu Raja Siam. Melaka kemudiannya menawan Indera Pura, dan puteri kepada Maharaja Dewa Sura yang bernama Onang Sari berkahwin dengan Sultan Mansur Syah. Perkahwinan tersebut dikurniakan seorang putera, yang kemudiannya dirajakan semula di Pahang dengan gelaran Sultan Muhammad Syah. Kemudian, ketika Pahang diperintah pula oleh Sultan Mansur Syah, Siam telah mengarahkan raja Ligor yang bernama Phraya Ramrachatanam untuk menyerang semula Pahang, namun ditewaskan oleh gabungan tentera Pahang dan Melaka.

Pembentukan identiti Melayu pada era Kesultanan Melaka yang diikat dengan anutan agama Islam sebenarnya merupakan satu rahmat kepada peribumi Semenanjung Tanah Melayu untuk mempertahankan jati dirinya daripada lebur, seperti yang berlaku di Ligor, kesan daripada asimilasi Siam yang sentiasa mengasak kuasanya ke kawasan selatan Tanah Melayu. Identiti Melayu ini terus menyerap ke negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, lalu mewujudkan kelompok peribumi Melayu Semenanjung, seperti Melayu Kedah, Melayu Patani, Melayu Kelantan dan sebagainya.

Justeru itu, penggunaan istilah "Melayu" bagi kerajaan awal pra-Melaka tidak wajar dikelirukan dengan identiti Melayu yang hanya mula terbentuk sewaktu era Kesultanan Melayu di Melaka. Sebaliknya, kerajaan awal tersebut merupakan pendahulu kepada kewujudan Kesultanan Melayu yang mula muncul selepas penyebaran Islam berlaku di rantau ini, dan seterusnya mewariskan pula masyarakat Melayu moden seperti yang ada di Semenanjung Malaysia pada hari ini.